



### MGAP Iktiraf Sumbangan Ahli Akademik



Sultan Sharafuddin Idris Shah (tengah) bersama barisan penerima anugerah dan pihak pengurusan universiti.

**SERDANG, 6 Mei** – Universiti Putra Malaysia (UPM) mengiktiraf 14 ahli akademiknya yang menunjukkan inisiatif dalam kualiti pengajaran, penyelidikan dan perundingan melalui Majlis Gemilang Akademia Putra 2009 (MGAP).

Canselor UPM, Sultan Sharafuddin Idris Shah menyampaikan tiga anugerah utama iaitu Anugerah Pengajaran Putra (APP), Anugerah Penyelidikan dan Inovasi (API) dan Anugerah Perundingan (APR).

Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah berkata anugerah kali kedua itu merupakan acara tahunan untuk melahirkan modal insan terbilang yang boleh meningkatkan UPM menjadi universiti bereputasi antarabangsa.

“Selain mengiktiraf pencapaian pegawai akademik yang cemerlang dalam bidang masing-masing, MGAP merupakan wahana mengenal pasti calon Anugerah Akademia Negara (AAN) bagi mewakili UPM ke peringkat kebangsaan,” katanya.

Beliau berkata MGAP juga sebagai insentif kepada pencapaian cemerlang untuk membudayakan penyelidikan dan inovasi berimpak tinggi, memperkasa kualiti pengajaran dan pembelajaran berkreativiti tinggi dan menjana perkongsian kepakaran perundingan dengan pihak luar.

Enam pensyarah yang menerima APP ialah Prof. Madya Dr. Noordin Mohamed Mustapha (Sains Tulen dan Kesihatan), Dr. Manohar Mariapan (Sains Sosial, Sastera, Sains Sosial Gunaan dan Sastera Gunaan), Dr. Seca Gandaseca (Sains Gunaan dan Kejuruteraan), Dr. Jalila Abu (Sains Tulen dan Kesihatan), Dr. Muhamad Sham Shahkhat Ali (Sains Sosial, Sastera, Sains Sosial Gunaan dan Sastera Gunaan) dan Dr. Shamala K. Subramaniam (Sains Gunaan dan Kejuruteraan).



Prof. Dr. Adzir Mahdi (berbaju oren) penerima anugerah Penyelidik Cemerlang Sains dan teknologi menerima anugerah daripada Tuanku Canselor UPM.

Lima penyelidik yang menerima API pula ialah Prof. Dr. Adzir Mahdi (Penyelidik Cemerlang Sains dan Teknologi), Prof. Dr. Muzafer Shah Habibullah (Penyelidik Cemerlang Sains Sosial dan Kemanusiaan), Dr. M. Iqbal Saripan (Penyelidik Muda Sains dan Teknologi), Dr. Tan Jo-Pei (Penyelidik Muda Sains Sosial dan Kemanusiaan) dan Prof. Dr. Suhaila Mohamed (Anugerah Inovasi dan Pengkomersialan Produk).

Sementara penerima APR ialah Prof. Ir. Dr. Mohd Saleh Jaafar (tempat pertama), Prof. Madya Dr. Lai Oi Ming (kedua) dan Dr. Helmi Zulhaidi Mohd Shafri (ketiga).



Dr. Jalila Abu (kanan) memberi penerangan tentang penyelidikannya kepada Tuanku Canselor.

Berita ini disediakan oleh Seksyen Media, Bahagian Komunikasi Korporat UPM. (Ili Syazwani Zahimi 03-89466013, Foto : Ahmad Fua'd Alwi 03-89466199).